Utusan Borneo: 06 November 2026

# Pembantu kedai berjudi dalam talian di tempat awam didenda

**MIRI:** Seorang pembantu kedai didenda RM3,000 atau lima bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana bermain judi dalam talian di tempat awam.

Tertuduh, Mohamad Hairee Basiree, 26, dari Kuching, terdahulu mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan terhadapnya di bawah Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 yang memperuntukkan denda sehingga RM5,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, sekitar jam 12.30 tengah hari, 3 November lalu, sepasukan polis diketuai Inspektor Ardian Sha Ali Rahman yang menjalankan Ops Dadu telah pergi ke sebuah kedai makan yang beroperasi 24 jam di Pusat Komersial Pelita di sini untuk mengesan kegiatan perjualan tambah nilai dalam talian.

Hasil pemeriksaan, polis telah menahan tertuduh yang berada di kaunter premis untuk tujuam pemeriksaan kerana dipercayai sedang menjalankan kegiatan penjualan perjudian tambah nilai dalam talian.

Pemeriksaan lanjut turut mendapati telefon bimbit milik tertuduh ada memaparkan aplikasi judi dalam talian.

Berikutan itu, tertuduh ditangkap dan telefon bimbitnya serta wang tunai berjumlah RM162 dirampas untuk dijadikan barang kes.

Tertuduh mengaku baharu sebulan bekerja di premis berkenaan sebagai pembantu kedai dan pada masa sama menjalankan kegiatan perjudian dalam talian.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu hukuman ringan dengan alasan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan dikendalikan pegawai pendakwa, Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Umi Syukriah Harun, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.